

Radzi kecewa tindakan UMNO Bahagian Padang Besar

PUTRAJAYA 28 Julai - Setiausaha Agung UMNO Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad melahirkan perasaan sangat kecewa dengan tindakan UMNO Bahagian Padang Besar mahu menjemput bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad merasmikan mesyuarat bahagian berkenaan 26 Ogos ini.

Beliau berkata, tindakan itu jelas bertentangan dengan peraturan parti kerana hanya ahli-ahli Majlis Tertinggi (MT), menteri-menteri

besar, menteri-menteri Kabinet daripada UMNO serta ketua bahagian sahaja dibenarkan merasmikan mesyuarat bahagian pada tahun yang tidak ada pemilihan parti.

Katanya, pada tahun yang ada pemilihan pula hanya ketua bahagian sahaja dibenarkan berbuat demikian bagi mengelakkan berlakunya politik wang.

"Peraturan ini dibuat semasa zaman Tun (Dr. Mahathir) lagi dan masih kekal hingga sekarang dan Tun sendiri pun tahu perkara ini

"Kalau Ketua Bahagian Datuk Zahidi Zainul Abidin buat juga bermakna beliau melanggar disiplin parti," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini

Zahidi dalam kenyataannya baru-baru ini berkata, UMNO Bahagian Padang Besar, akan menjemput Dr. Mahathir untuk merasmikan mesyuarat bahagian tersebut bulan depan.

Menurutnya, UMNO perlu menyediakan satu platform kepada bekas Perdana Men-

teri itu untuk bercakap sekali gus menghalang parti-parti pembangkang daripada terus memainkan isu-isu kontroversi.

'Tidak ada salahnya menjemput seorang pegarawan yang dihormati seperti beliau merasmikan mesyuarat bahagian. Saya mahu menjelaskan Tun Dr. Mahathir adalah pemimpin UMNO tulen. Beliau perlu dihormati. Beliau diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai pejuang negara-negara dunia ketiga," katanya.